



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PERTAHANAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**JURUTERA KERJA (B.3)
JABATANARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**JURUTERA KERJA
JABATAN ARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Electrical Engineering* / Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Bangunan / Kejuruteraan Struktur / *Mechanical Engineering* atau dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b. Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c. Telah berkhidmat di dalam Perkhidmatan Kerajaan jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

ATAU

2. a. **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

ATAU

- b. **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun sebelumnya.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai Bahagian Perkhidmatan Kerja Zon 2;
2. Memberi khidmat nasihat terhadap perkara yang berkaitan dengan pengurusan dan pengawasan dan pemeliharaan pembangunan;
3. Menyediakan peruntukan tahunan bagi projek Jabatan dan projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara;
4. Menyediakan / mengeluarkan dokumen tawaran projek-projek dan seterusnya membuat penilaian tawaran;
5. Mengawasi perjalanan serta mengawal peruntukan projek Jabatan dan projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara bagi Kementerian Pertahanan;
6. Memberikan arahan-arahan bersangkutan dengan Bahagian Perkhidmatan Kerja;
7. Pengawasan dan pemantauan Unit-Unit di Bahagian Perkhidmatan Kerja; dan
8. Melaksanakan kerja-kerja seperti yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.